

30/12/2001

Kerinduan isteri Misuari terubat

piled by Zainuddin Ayip

SUDAH lima minggu bekas gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao (ARMM), Nur Misuari ditahan di negara ini sejak memasuki perairan Sabah tanpa dokumen sah pada 24 November lalu.

Kerinduan isteri dan anak begitu dirasakan, apa lagi mereka tidak dapat berpuasa dan beraya bersama. Gema takbir Aidilfitri pada pagi Syawal disambut dengan linangan air mata.

Namun kerajaan Malaysia memutuskan tidak mahu menyimpan Nur Misuari begitu lama dan sedia menyerahkannya kepada kerajaan Filipina bila-bila masa.

Yang pasti Malaysia prihatin dan bertimbang rasa. Isteri dan anak dibenarkan bertemu Nur Misuari untuk bertanya khabar selepas disogokkan berita kononnya pemimpin itu sudah meninggal dunia.

"Saya dapat tahu keluarganya ada di sini. Saya tidak nampak kenapa keluarganya tidak boleh berjumpa dengannya (Misuari). Dia bukan banduan dalam erti kata sebenar," kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Apa pun, Siti Tarhata Ibrahim, 27, tetap mahu menemui suaminya. "Saya datang ke sini bersama anak untuk berjumpa suami saya," katanya yang membawa bersama Nur Redha, 7, Khalid, 4, dan Nur Hata berusia sembilan bulan.

Siti Tarhata yang mengakui anak-anak sentiasa merindui ayahnya turut bimbang Misuari mungkin diapa-apakan ketika dalam tahanan. "Sebab itulah saya mahu bertemu dia," katanya.

Bagaimanapun, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, memberi jaminan Nur Misuari kini dalam keadaan sihat dan menerima layanan sewajarnya.

"Kita beri jaminan Misuari tidak dianiayai atau dalam keadaan yang boleh memudarat dirinya," katanya di Wisma Putra di Putrajaya, pagi Khamis lalu.

Syed Hamid berkata demikian sebagai mengulas laporan yang memetik isteri Misuari, Tarhata sebagai berkata beliau bimbang suaminya mungkin meninggal dunia ketika dalam tahanan polis Malaysia.

Siti Tarhata menyuarakan kebimbangannya itu berasas andaian peguam Misuari sendiri, Elly Pamatong tidak dibenarkan melawat Misuari yang juga pemimpin Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF).

Siti Tarhata tiba di ibu negara bersama tiga anaknya dari Filipina Isnin lalu melalui Singapura dengan harapan dapat bertemu suaminya dan menegaskan akan berada di sini sehingga kerajaan Malaysia memberi kebenaran itu.

Akhirnya, doa dan harapannya terlaksana. Beliau dan anak-anaknya dapat juga bertemu suaminya di Bukit Aman, petang Khamis lalu selepas 34 hari berpisah. Walaupun pertemuan itu singkat - kira-kira dua jam, Nur Misuari melepaskan kerinduan dengan mendakap puas dan mengucup mesra anak-anaknya.

"Saya gembira dapat bertemu suami. Saya mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir kerana membenarkan kami bertemu. Saya perhatikan suami saya sihat walaupun berat badannya agak susut. Suami saya juga menyampaikan salam dan terima kasih kepada Perdana Menteri," katanya.

Namun, ada satu lagi yang dimintanya. Beliau meminta belas ihsan Dr Mahathir dan Presiden Filipina agar membenarkan Misuari mendapatkan perlindungan di negara ketiga kerana bimbang nyawanya terancam jika dihantar pulang ke tanah air.

Selepas itu, beliau akan menimbangkan kemungkinan bermastautin di Amerika Syarikat atau di mana saja seperti dinasihatkan oleh peguam

suaminya.

Bekas gabenor yang berpaling tadah itu ditahan pada 24 November lalu di Pulau Jampiras dekat Sandakan bersama-sama enam penyokongnya kerana memasuki Malaysia secara haram.

Mereka melarikan diri ke situ selepas melancarkan pemberontakan terhadap kerajaan di selatan Filipina.

Pamatong mendakwa Misuari tidak akan mendapat perbicaraan yang adil jika dihantar pulang ke Filipina dan beliau merayu kepada negara Islam supaya campur tangan.

Beliau berkata Misuari, diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai seorang pendamai di Mindanao, bukannya pengganas seperti didakwa kerajaan Filipina.

"Ada perbezaan jelas antara pengganas dan pejuang kebebasan," katanya sambil menambah jika beliau pengganas, tidak mungkin memperoleh status pemerhati tetap dalam badan antarabangsa seperti Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Pamatong mengulangi gesaan supaya Malaysia memberikan suaka politik kepada Misuari serta membenarkan wakil PBB menemui bekas pemimpin itu.

Katanya, Malaysia dan Indonesia juga tidak seharusnya membuat keputusan sendiri menyerahkan Misuari kepada kerajaan Filipina, sebaliknya merujuk kepada OIC yang terbabit sama dalam perdamaian di selatan Filipina.

Namun, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak melayan permohonan suaka politik Misuari kerana dasar negara tidak memberikan perlindungan kepada mereka yang terbabit dalam keganasan.

Pamatong turut mendakwa Siti Tarhata juga bimbang mengenai kemungkinan beliau ditahan polis Malaysia dan terpaksa sentiasa bergerak dari satu tempat penginapan ke tempat penginapan lain dengan bantuan pihak tertentu.

Presidennya, Gloria Arroyo Macapagal, sedar Nur Misuari bukan calang-calang orang.

Perjuangannya sebagai gerila selama lebih 25 tahun untuk mendapatkan sebuah wilayah bebas bagi umat Islam di negara itu, boleh menggugat kestabilan negara berikutan pertelingkahan penduduk Islam dan Kristian di selatan negara itu.

Masih ramai yang ingin tahu latar belakang Nur Misuari yang kini berusia 60 tahun.

Namanya dijulang sebagai pejuang besar bagi umat Islam di Mindanao. Daripada seorang gerila kepada Gabenor ARMM, tetapi kini menjadi pelarian politik.

Nama besar bagi umat Islam Filipina ini adalah anak keempat daripada 10 beradik. Dilahirkan di Jolo, sebuah pekan kecil yang mencipta sejarah revolusi membabitkan perjuangan Islam.

Hampir seabad lamanya, Jolo dan daerah sekitarnya menjadi tempat perlindungan pejuang bangsa Moro dan sebelum itu menjadi tempat yang menggerunkan penjajah dan negara yang melindungi Filipina, baik Sepanyol mahupun Amerika Syarikat sendiri.

Misuari pernah dipetik sebagai berkata ketika kecilnya beliau tidak ada cita-cita. "Yang saya inginkan ialah pergi ke sekolah dan membantu keluarga."

Beliau meninggalkan Kepulauan Mindanao pada 1958 untuk melanjutkan pengajian di Universiti Filipina di Manila, dan menurut teman sekuliah, Misuari seorang yang pendiam dan berdisiplin, tetapi pada masa yang sama pelajar yang berwibawa.

Misuari menikahi Desmona, rakannya di universiti, yang juga berasal dari Jolo. Bagaimanapun, Desmona meninggal dunia pada 1987, selepas melahirkan enam anak. Sebagai ganti, Misuari mengahwini kakak Desmona iaitu Roidah.

Roidah, ternyata menjadi tonggak kekuatan kepada Misuari terutama ketika beliau berada dalam buangan di Libya dan Pakistan. Di samping Roidah,

Misuari mempunyai seorang lagi isteri bernama Siti Tarhata.

Misuari ketika diajukan pertanyaan mengenai perkahwinan ketiganya itu dipetik sebagai berkata: "Wanita muda membuatkan saya turut menjadi muda."

Bagaimanapun, kehidupannya sebagai pejuang kebebasan menjadikan beliau sentiasa sibuk.

Misinya untuk membebaskan umat Islam daripada cengkaman Kristian dan menubuhkan sebuah wilayah Islam yang bebas di Filipina.

Beliau mula berjuang sejak awal 1960. Selepas tamat pengajian, Misuari menyertai pula fakulti undang-undang tetapi berhenti pada tahun kedua atas sebab-sebab kesihatan.

Misuari dikatakan kembali ke Jolo untuk berubat, tetapi menurut beberapa rakan ketika itu beliau ke Libya buat kali pertama iaitu lawatan yang mencetus semangat dan jiwa revolusinya.

Ketika mengimbas kembali sejarah silamnya, Misuari dilaporkan berkata: "Saya bergerak secara sulit. Saya berada di kalangan rakyat tetapi memastikan tidak ada siapa mengenali diri saya. Saya ingin membetulkan kezaliman yang dilakukan ke atas orang saya."

Sejarah perjuangan ala gerilanya kini terus di dalam lipatan sejarah. Tetapi seperti biasa semakin meningkat usia, tindakan yang diambil semakin waras.

Perjuangan selama bertahun-tahun berakhir di meja rundingan dan beliau akhirnya meletak senjata dan memenangi kuasa autonomi untuk memerintah sebahagian besar Pulau Mindanao yang majoriti penduduknya umat Islam.

Pada pagi 30 September, 1996, Misuari, ketika itu berusia 55 tahun, mengangkat sumpah sebagai Gabenor ARMM yang ketiga di hadapan Presiden Fidel Ramos, menggantikan Lininding Pangandaman yang memegang jawatan itu sejak 1993. Gabenor pertama ARMM yang diwujudkan pada 1990 itu ialah Zakaria Candao.

Misuari ketika berucap, berkata: "Beri kami masa untuk membuktikan hasrat baik kami." Beliau memberi jaminan akan melaksanakan pelbagai program pembangunannya membina semula kawasan yang musnah kerana perang 24 tahun.

Ikrarnya ialah kerajaan baru pimpinannya di wilayah itu akan meneruskan kempen mengubah Mindanao sebagai sebuah zon ekonomi yang pesat membangun tanpa menoleh era kegelapan dan pertumpahan darah di Mindanao sebelum ini.

Antara yang berjanji untuk membantu Misuari dalam menjayakan hasrat itu adalah kumpulan negara termasuk Malaysia, yang menggelarkannya sebagai 'Sahabat Mindanao'.

Bagaimanapun, selepas lima tahun memerintah Mindanao, Misuari kembali berhadapan dengan kemelut berikutan kegagalannya mengubah kehidupan rakyat Mindanao terutama umat Islam yang terus hidup malarat dan miskin.

Kedudukan Misuari semakin sulit apabila hanya satu wilayah dan bandar raya di selatan memilihnya sebagai wakil ARMM dalam satu pungutan suara Ogos lalu.

Arroyo pula menjadikan keadaan semakin parah apabila menyokong seorang lagi calon yang juga pesaing Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) dalam pilihan raya 26 November lalu, untuk jawatan tertinggi ARMM itu.

"Rekod pentadbirannya menunjukkan beliau gagal menjadi seorang ketua dan pentadbir," kata ahli perundangan Islam, Gerry Salapuddin, ketika menulis dalam sebuah akhbar tidak lama dulu ketika sokongan terhadap Misuari mula goyah.

Keadaan semakin gawat apabila Misuari dipecat Arroyo sebagai gabenor ARMM, kerana dituduh menghasut rakyat supaya memberontak di selatan Filipina.

Sebagai susulan pada 20 November lalu, Misuari pula mengisytiharkan perang terhadap Manila manakala pengikutnya menyerang dan menawan beberapa kedudukan tentera di selatan Filipina.

Misuari yang semakin tertekan, bertindak memohon suaka daripada Kerajaan Malaysia dan melarikan diri ke Sabah.

Kini, nasib Misuari belum ditentukan.

(END)